No. Fail : Tarikh : Mei 12

Penganjur : Markas Tentera Laut

KONSEP CADANGAN AKTA HIDROGRAFI NEGARA

TUJUAN

1. Mengemukakan cadangan untuk mewujudkan Akta Hidrografi Negara (AHN) bagi mengawal selia aktiviti pengukuran hidrografi dan profesyen Jurukur Hidrografi di Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Sejarah aktiviti pengukuran hidrografi di perairan Malaysia telah bermula sejak kurun ke 18 oleh Tentera Laut Diraja British (TLDB). Pengunduran British pada pertengahan tahun 1960-an, telah memberi ruang kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk mewujudkan perkhidmatan hidrografinya sendiri. Penubuhan Cawangan Hidrografi di dalam perkhidmatan TLDM telah direalisasikan pada tahun 1969. Ini kemudiaannya diikuti dengan perlantikan TLDM sebagai sebuah agensi yang layak dan bertanggungjawab untuk melaksanakan pengukuran hidrografi di Malaysia. Perlantikan tersebut dibuat oleh kabinet melalui keputusan Jemaah Menteri Bil 443/837/72 bertarikh 31 Okt 72.

3. Penubuhan asal CHTLDM adalah untuk melaksanakan pengukuran hidrografi dan penghasilan produk nautika untuk kegunaan di perairan negara. Produk yang dihasilkan tertumpu kepada keselamatan pelayaran dan pertahanan di kawasan perairan negara. Malaysia telah menganggotai Pertubuhan Hidrografi Antarabangsa pada tahun 1975 dan CHTLDM merupakan wakil negara kepada pertubuhan tersebut. Peningkatan infrastruktur dan kemajuan pembangunan sumber manusia telah membolehkan CHTLDM menyediakan keperluan perkhidmatan hidrografi seperti yang digariskan melalui Peraturan 9 kepada *Safety of Life at Sea* (SOLAS). Perkhidmatan hidrografi telah meningkat dari masa ke semasa dan tidak hanya tertumpu kepada keselamatan pelayaran malahan ia telah berkembang kepada keperluan persempadanan maritim, pengurusan dan pembangunan pesisir pantai,

pemeliharaan alam sekitar, eksploitasi sumber alam, pertahanan maritim, kajian saintifik dan pelancongan.

4. Penglibatan CHTLDM dalam jawatankuasa-jawatankuasa maritim diperingkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa juga telah meningkat memandangkan kepentingan dan keperluan hidrografi terus meningkat. Disamping itu, peranan cabang bidang hidrografi seperti oseanografi, kartografi serta meteorologi terus meningkat selaras dengan perkembangan industri maritim dan pertahanan negara. Perkara ini telah membawa kepada transformasi CHTLDM kepada Pusat Hidrografi Nasional (PHN) pada tahun 2005, namun masih mengekalkan aliran pemerintahan sedia ada. Sebagai sebuah entiti yang bertaraf nasional, PHN memainkan peranan penting serta memikul tanggungjawab sebagai Penguasa Hidrografi Negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa meliputi keperluan berikut:

a. Merancang serta melaksanakan pengukuran hidrografi secara sistematik di perairan dan persisiran pantai negara.

b. Merancang dan melaksanakan pengumpulan data oseanografi dan meteorologi di sekitar perairan negara untuk keperluan ketenteraan.

c. Memproses data yang dikumpul dan mewujudkan pangkalan data bagi penerbitan carta nautika, carta pandu arah elektronik dan publikasi nautika untuk memenuhi keperluan panduarah, operasi dan latihan ketenteraan, pengurusan pesisiran pantai, pemeliharaan alam sekitar merin, eksploitasi sumber alam, persempadanan maritim Negara dan kajian saintifik.

d. Mengemaskini pangkalan data hidrografi melalui pengukuran semula dan pengumpulan maklumat sokongan daripada agensi maritim yang terlibat.

e. Mengeluar, mengedar dan mengemaskinikan carta serta publikasi nautika dengan menepati keperluan dan piawaian antarabangsa.

f. Menyebar maklumat keselamatan maritim.

g. Konsultansi teknikal dan khidmat nasihat kepada agensi kerajaan yang lain di dalam aspek teknikal yang berkaitan dengan kajian hidraulik, pembinaan jeti, pelombongan pasir, persempadanan zon maritim dan peruntukan teknikal dalam *United Nation Law of the Sea* (UNCLOS).

h. Mengendalikan Pusat Data Oseanografi melalui perkongsian data dengan agensi maritim lain yang berkaitan.

i. Membuat validasi ke atas data hidrografi pengukuran swasta dan agensi luar.

j. Mewakili negara di dalam pertubuhan antarabangsa dan serantau yang melibatkan bidang hidrografi seperti *International Hydrographic Organisation* (IHO) dan *East Asia Hydrographic Commission* (EAHC).

k. Memastikan aktiviti pengukuran hidrografi yang dilaksanakan di dalam perairan negara dilaksanakan mengikut piawaian antarabangsa oleh jurukur yang berkelayakan.

5. Fungsi dan peranan yang perlu dilaksanakan oleh PHN bersifat tri fungsi yang melibatkan obligasinya terhadap kepentingan TLDM, negara dan antarabangsa. Kemajuan teknologi pertahanan maritim negara yang telah melangkah ke arah peperangan 4 dimensi juga turut meningkatkan fungsi dan peranan PHN. Setelah 42 tahun ditubuhkan, PHN masih lagi bergantung kepada keputusan Jemaah Menteri Bil 443/837/72 bertarikh 31 Okt 72 sebagai punca kuasa yang secara dasarnya hanya melantik TLDM sebagai agensi pelaksana dan bukannya agensi penguatkuasa. Secara tidak langsung ianya tidak memberi sebarang kelebihan untuk membolehkan PHN mengawal selia aktiviti pengukuran hidrografi di dalam perairan negara yang dilaksanakan oleh agensi lain. Justeru, TLDM melihat terdapatnya keperluan untuk mewujudkan satu mekanisme yang dapat digunakan untuk tujuan tersebut dan dalam masa yang sama dapat memberi kuasa kepada PHN untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap kerja-kerja pengukuran hidrografi di Malaysia.

KEPENTINGAN AKTA

6. Asas-asas pertimbangan untuk mewujudkan AHN dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor penting yang boleh diterjemahkan sebagaimana berikut:

a. **Keperluan Data**. Zon Maritim Malaysia meliputi kawasan perairan seluas 592,626.4 km persegi yang sebahagian besarnya masih lagi menggunakan data pengukuran era penjajah dan hanya 40% yang telah dibuat pengukuran terkini. Dengan keupayaan TLDM yang terbatas, adalah mustahil untuk mendapatkan liputan 100% pengukuran hidrografi terkini bagi keseluruhan perairan negara untuk tempoh yang terdekat. Sehubungan dengan itu, perkongsian data dengan agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dengan aktiviti ini dilihat dapat membantu PHN dalam menyediakan keperluan data terkini. Namun pemasalahan timbul dari segi kejituan data yang tidak menepati piawaian *International Hydrographic Organisation* (IHO) bagi tujuan pencartaan.

b. **Obligasi Antarabangsa**. Keperluan kepada pengukuran hidrografi dan pencartaan amat penting selaras dengan obligasi negara terhadap komuniti maritim antarabangsa untuk keselamatan pelayaran di laut. Sebagai sebuah negara maritim, Malaysia secara langsung bertanggungjawab terhadap keperluan konvensyen antarabangsa berikut:

(1) ***International Convention On The Safety Of Life At Sea* (SOLAS)**. Peraturan 9 kepada Bab 5 SOLAS menyatakan dengan jelas keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan hidrografi oleh negara-negara yang telah menandatangani konvensyen antarabangsa tersebut termasuk Malaysia. Secara dasarnya Malaysia diiktiraf oleh *International Maritim Organisation* (IMO) sebagai negara yang telah mematuhi ketetapan SOLAS melalui *Voluntary IMO Member State Audit Scheme* (VIMSAS) yang telah dilaksanakan pada 16 hingga 23 Feb 09 yang turut melibatkan PHN. Audit ini dilaksanakan berdasarkan kepada penyertaan negara ahli secara sukarela. Dengan ini,

menunjukkan PHN telah mematuhi kehendak IMO melalui pematuhan kepada Peraturan 9 kepada Bab 5 SOLAS.

(2) ***United Nations General Assembly Resolution***. Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan Resolusi A/RES/53/32 dan A/RES/58/240 yang menyatakan dengan jelas mengenai kepentingan kerjasama antarabangsa dalam bidang hidrografi bagi tujuan keselamatan pelayaran.

(3) **Konvensyen Undang-Undang Laut (KUUL) 1982**. KUUL 1982 telah mengiktiraf IHO sebagai sebuah organisasi yang layak di dalam hal ehwal yang berkaitan dengan aspek teknikal bidang hidrografi. Sehubungan itu, implementasi aspek teknikal dan artikel perundangan yang terkandung di dalam KUUL 1982 oleh sesebuah negara perlu dilaksanakan oleh sebuah organisasi yang mendapat pengiktirafan daripada IHO.

(4) ***National Maritime Policies and Hydrographic Services* (M2)**. IHO melalui M2 telah menggariskan keperluan kepada perkhidmatan hidrografi merangkumi untuk aktiviti seperti berikut:

(a) Penubuhan titik pangkal dan garis pangkal untuk pembatasan zon maritim negara.

(b) Mewujudkan Skim Pemisahan Trafik di laluan maritim negara.

(c) Mewujudkan laluan transit maritim dan laluan ikhlas.

(d) Pemasangan kabel dan saluran paip dasar laut.

(e) Aktiviti cari gali.

(f) Penyelidikan Saintifik Marin.

(g) Pengurusan dan pembangunan pesisir pantai.

(h) Eksplorasi dan eksploitasi sumber marin.

(i) Pertahanan maritim.

(j) Perlancongan.

c. **Kawalan dan Pemantauan**. Memenuhi keperluan penguatkuasaan bagi tujuan kawalan dan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti yang melibatkan keselamatan pelayaran dan kepentingan pembangunan industri maritim negara. Ini meliputi keperluan untuk aktiviti pelombongan pasir, penambakan laut, pemasangan tukun tiruan, pengerukan, pembangunan kawasan persisir pantai dan sebagainya. Kesemua aktiviti yang dinyatakan memerlukan pengukuran hidrografi sebagai elemen pemantauan atau kawalan terhadap hasil kerja yang dilaksanakan. Tanpa peraturan atau akta yang jelas, adalah sukar untuk PHN menguatkuasakan keperluan spesifikasi teknikal dan piawaian yang diperlukan untuk kerja-kerja tersebut.

d. **Melindungi Hak Pengguna**. Tiada akta atau peraturan yang sedia wujud bagi memantau aktiviti pengukuran hidrografi di dalam perairan negara. Keperluan pengukuran hidrografi oleh agensi kerajaan atau swasta dibuat 100% oleh kontraktor yang dilantik tanpa wujudnya sebarang peraturan yang melindungi kepentingan pengguna. Penguatkuasaan dilihat perlu bagi memastikan aspek teknikal dan spesifikasi pengukuran yang dibuat mematuhi piawaian antarabangsa serta memenuhi kehendak pengguna.

e. **Menjaga Kepentingan Bidang Hidrografi**. Akta yang bakal diwujudkan ini amat penting bagi menyatakan dengan jelas tugas dan peranan PHN sebagai Penguasa Hidrografi Negara. Melalui penubuhan akta ini, kualifikasi dan spesifikasi untuk ukur kadaster dan hidrografi dapat dipisahkan mengikut keperluan masing-masing. Keperluan ini juga sebagai melengkapkan Akta 660, Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006 yang telah mendefinasikan carta nautika dan peranan Ketua Pengarah Hidrografi secara umum. Dalam masa yang sama, akta ini juga dilihat penting dalam menjaga kepentingan bidang hidrografi selari dengan usaha Jabatan Ukur Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk mewartakan Peraturan Ukur Kadaster 2009.

f. **Kepentingan Operasi Ketenteraan**. Melalui akta ini, keperluan data hidrografi yang mencukupi untuk aktiviti ketenteraan akan lebih terjamin. Data-data pengukuran yang dilakukan oleh agensi lain akan dikumpulkan dan ditempatkan di PHN sebagai hakmilik kerajaan Malaysia. Kesemua data ini

boleh digunakan dan tidak akan hanya terhad untuk keperluan komersial sahaja tetapi boleh diaplikasikan untuk kegunaan operasi ketenteraan.

7. Konsep AHN yang dicadangkan adalah berasaskan kepada definisi bidang hidrografi yang diterjemahkan oleh IHO dan selaras dengan tugas teras serta tanggungjawab semasa PHN sebagai entiti nasional dan Penguasa Hidrografi Negara. Sehubungan itu, proses kawal selia akta akan turut memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti yang melibatkan keselamatan pelayaran, pengurusan dan pembangunan zon persisir pantai, eksplorasi dan eksploitasi sumber laut, pengurusan dan perlindungan alam sekitar marin, penyelidikan saintifik marin, insfrastruktur data geospatial negara, pembatasan sempadan maritim, pertahanan maritim, industri pelancongan dan rekreasi.

8. Peruntukan AHN yang dicadangkan terbahagi kepada dua bahagian penting seperti berikut:

a. **Punca Kuasa**. AHN yang dicadangkan akan menjadi punca kuasa baru kepada PHN yang akan membolehkan proses kawal selia aktiviti pengukuran hidrografi dan penguatkuasaan akta tersebut di dalam perairan negara. Akta ini juga akan memastikan penyeragaman spesifikasi dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa untuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bidang hidrografi.

b. **Lembaga Jurukur Hidrografi**. Lembaga yang akan ditubuhkan di bawah AHN merupakan badan yang mempunyai keupayaan di sisi undang-undang untuk perkara berikut:

(1) Pendaftaran jurukur hidrografi di Malaysia.

(2) Menentukan dan mengawal selia profesionalism dan etika profesion jurukur hidrografi di Malaysia.

(3) Meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran oleh individu.

(4) Penggantungan, pembatalan, atau penyingkiran pendaftaran jurukur hidrografi dari senarai daftar.

(5) Menetapkan dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri Pertahanan, skala yuran bagi perkhidmatan konsultansi hidrografi.

(6) Kajian semula dan meluluskan apabila perlu senarai kelayakan yang diiktiraf untuk tujuan pendaftaran juruukur hidrografi yang berdaftar.

(7) Melakukan segala-galanya yang diperlukan untuk menjalankan peruntukan-peruntukan di bawah AHN.

9. Peruntukan di bawah AHN akan mengiktiraf PHN sebagai Pihak Berkuasa yang dilantik oleh kerajaan Malaysia untuk mengawal selia aktiviti pengukuran hidrografi di perairan negara. Proses kawal selia akan melibatkan Lembaga Jurukur Hidrografi (LJH) dan PHN selaku agensi pelaksana bagi menguatkuasakan akta yang dicadangkan. Konsep kawal selia yang akan dimainkan oleh LJH dan PHN merujuk kepada akta yang dicadangkan adalah seperti berikut:

a. **LJH**. Berperanan memastikan hanya jurukur hidrografi yang layak sahaja dibenarkan untuk melaksanakan pengukuran hidrografi di Malaysia. Sehubungan itu, LJH akan melaksanakan proses kawal selia profesion hidrografi di Malaysia berdasarkan peruntukan yang diwujudkan di bawah AHN. Kawal selia akan dilakukan melalui proses pendaftaran dan penyenaraian individu yang memenuhi kriteria serta kualifikasi yang diperlukan. Bagi memastikan kualifikasi setiap jurukur memenuhi kriteria yang diperlukan, proses pendaftaran untuk jurukur hidrografi dibahagikan kepada 5 peringkat yang akan diputuskan oleh LJH berdasarkan peruntukan yang ditetapkan sebagaimana berikut:

(1) **Jurukur Hidrografi Berdaftaran (*Registered Hydrographic Surveyor*)**. Individu yang ingin mendaftar sebagai Jurukur Hidrografi

Berdaftar (RHS) perlu memajukan permohonan kepada LJH dengan memenuhi syarat -syarat berikut:

(a) Telah menghadiri kursus hidrografi diperingkat Sijil /Diploma/Ijazah yang mendapat pengiktirafan Lembaga Piawaian Kecekapan Jurukur Hidrografi dan Kartografi Nautika IHO/*International Federation of Surveyor* (FIG)/International Cartographic Association (ICA) sekurang-kurangnya untuk kemahiran jurukur hidrografi Kategori B.

(b) Pernah terlibat di dalam aktiviti pengukuran hidrografi dan dibuktikan di dalam Buku Log Kecekapan dan Pengalaman Lapangan individu berdasarkan kepada *Special Publiction No*. 5 (S-5), *Standard of Competence for Hydrographic Surveyor* yang dikeluarkan oleh IHO.

(c) Warganegara Malaysia.

LJH mempunyai kuasa mutlak sama ada akan meluluskan permohonan ataupun sebaliknya. Sekiranya diluluskan, individu tersebut akan disenaraikan sebagai RHS dan hanya boleh melaksanakan kerja-kerja pengukuran hidrografi di bawah pengawasan Pengamal Berdaftar (*Registered Practitioner*) atau Jurukur Hidrografi Berlesen (*Licensed Hydrographic Surveyor*).

(2) **Pengamal Berdaftar (RP)**. Individu yang ingin mendaftar sebagai RP perlu memajukan permohonan kepada LJH setelah memenuhi syarat -syarat berikut :

(a) Telah disenaraikan sebagai RHS dan mempunyai pengalaman melaksanakan kerja-kerja pengukuran hidrografi di lapangan selama 24 bulan bermula dari tarikh pendaftaran sebagai JHB.

(b) Dibuktikan di dalam Buku Log Kecekapan dan Pengalaman Lapangan individu.

(c) Warganegara Malaysia.

Sekiranya diluluskan oleh LJH, individu yang disenaraikan sebagai RP boleh melaksanakan kerja-kerja pengukuran hidrografi tanpa pengawasan. Walau bagaimanapun, hasil pengukuran hidrografi yang dibuat perlu disahkan kejituannya oleh Jurukur Hidrografi Berlesen sebelum boleh diguna pakai.

(3) **Jurukur Hidrografi Berlesen (LHS)**. Individu yang ingin mendaftar sebagai LHS perlu memajukan permohonan kepada LJH setelah memenuhi syarat -syarat berikut :

(a) Telah disenaraikan sebagai RP dan mempunyai pengalaman menyelia kerja-kerja pengukuran hidrografi di lapangan selama 24 bulan.

(b) Dibuktikan di dalam Buku Log Kecekapan dan Pengalaman Lapangan individu.

(c) Telah menghadiri kursus hidrografi diperingkat Sijil /Diploma/Ijazah/Sarjana yang mendapat pengiktirafan Lembaga Piawaian Kecekapan Jurukur Hidrografi dan Kartografi Nautika IHO/*International Federation of Surveyor* (FIG)/International Cartographic Association (ICA) untuk kemahiran jurukur hidrografi Kategori A.

(d) Warganegara Malaysia.

Sekiranya diluluskan oleh LJH, individu yang disenaraikan sebagai LHS boleh melaksanakan kerja-kerja pengukuran hidrografi tanpa pengawasan dan layak untuk membuat pengesahan terhadap hasil pengukuran hidrografi yang telah dibuat.

(4) **Jurukur Hidrografi Warga Negara Asing**. Pendaftaran untuk individu bukan warganegara Malaysia turut dibenarkan tetapi hanya terhad kepada RHS sahaja dan perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk kelas tersebut. Kuasa untuk meluluskan permohonan individu bukan warganegara tertakhluk kepada budi bicara pihak Lembaga.

(5) **Jurukur Hidrografi TLDM**. Pegawai atau LLP TLDM yang berkepakaran hidrografi secara automatik akan disenaraikan sebagai RHS, RP atau LHS sekiranya memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Mereka boleh dibenarkan untuk terlibat di dalam aktiviti pengukuran hidrografi oleh pihak swasta sekiranya mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh perkhidmatan.

b. **PHN**. Berperanan sebagai agensi yang menguruskan pelaksanaan dan penguatkuasaan AHN. Kawal selia akan dibuat berdasarkan kepada peraturan berikut:

(1) **Permit Kerja Hidrografi**. Proses kawal selia dibuat berdasarkan kepada permohonan individu atau firma untuk mendapatkan permit kerja hidrografi bagi melaksanakan kerja-kerja pengukuran di dalam perairan Malaysia. AHN yang dicadangkan akan menguatkuasakan keperluan untuk mendapatkan permit kerja terlebih dahulu sebelum melaksanakan sebarang kerja. Melalui cara ini proses pemantauan dan kawalan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan oleh PHN. KPH merupakan individu yang mempunyai kuasa penuh dalam meluluskan sebarang permohonan untuk mendapatkan permit kerja hidrografi.

(2) **Hak Milik Data**. Melalui permit kerja, skop aktiviti pengukuran hidrografi yang akan dilaksanakan dapat dipantau berdasarkan pelan kerja yang dimajukan. Penguatkuasaan AHN akan membolehkan kesemua data yang diperolehi melalui aktiviti pengukuran hidrografi dimajukan kepada PHN untuk tujuan pemantauan, kawalan mutu dan pengesahan data. Data-data yang dimajukan secara automatik akan

menjadi hak milik kerajaan Malaysia dan akan digunakan untuk tujuan pencartaan dan aktiviti lain yang melibatkan kepentingan negara. Data-data yang dimajukan masih lagi boleh digunakan oleh individu atau firma yang membiayai kerja-kerja pengukuran setelah kualiti/mutu data-data tersebut memenuhi spesifikasi pengukuran yang telah ditetapkan. Berdasarkan kualiti data, KPH mempunyai kuasa dalam menentukan setiap data yang dimajukan sesuai atau tidak untuk digunakan oleh pihak pengguna.

(3) **Piawaian**. Pengukuran hidrografi yang dilaksanakan perlu mematuhi piawaian antarabangsa bagi memastikan ketepatan data yang diperolehi. Pematuhan kepada piawaian atau spesifikasi antarabangsa akan membolehkan data yang diperolehi digunakan untuk pelbagai tujuan tanpa had. Ini dapat mengelakkan berlakunya keperluan pengukuran berulang di kawasan yang sama untuk tujuan yang berbeza.

10. Akta yang diwujudkan juga akan mempunyai peraturan yang jelas untuk tujuan penguatkuasaan terhadap kesalahan atau kegagalan individu atau firma yang terlibat untuk mematuhi syarat-syarat atau spesifikasi yang telah ditetapkan. Bahagian 7 kepada akta yang dicadangkan menerangkan skop kesalahan dan bentuk penalti bagi setiap kesalahan yang dibuktikan. Walau bagaimanapun kesesuaian penalti yang dikenakan perlu dikaji sama ada dibuat secara perundangan subsidiari melalui Akta Fee 1951 ataupun kuasa menteri. Draf rangka dan isi kandungan AHN yang dicadangkan terdiri daripada 10 Bahagian dan 5 Jadual seperti berikut:

a. **Bahagian I**. Pengenalan kepada akta dan tafsiran serta definisi istilah-istilah penting yang terkandung di dalam akta.

b. **Bahagian II**. Peruntukkan yang melibatkan perlantikan PHN sebagai pihak berkuasa, kuasa perlantikan KPH, timbalan KPH dan bidang kuasa Menteri.

c. **Bahagian III**. Peruntukan untuk permit kerja pengukuran hidrografi oleh individu dan firma.

d. **Bahagian IV**. Peruntukan berhubung penubuhan Lembaga Jurukur Hidrografi dan bidang kuasa.

e. **Bahagian V**. Peruntukan untuk pendaftaran Jurukur Hidrografi dan syarat-syarat pendaftaran.

f. **Bahagian VI**. Peruntukan untuk penggantungan, pembatalan, penyingkiran dan pendaftaran semua Jurukur Hidrografi Semula.

g. **Bahagian VII**. Peruntukan untuk kesalahan dan penalti.

h. **Bahagian VIII**. Maklumat tambahan.

i. **Bahagian IX**. Peruntukan Pelbagai.

j. **Bahagian X**. Kaedah Penguatkuasaan.

k. **Jadual Pertama**. Permit Pengukuran Hidrografi.

l. **Jadual Kedua**. Permohonan Permit Pengukuran Hidrografi.

m. **Jadual Ketiga**. Kelayakan dan Kemahiran Jurukur Hidrografi.

n. **Jadual Keempat**. Bidang-Bidang Hidrografi.

o. **Jadual Kelima**. Terma dan rujukan Lembaga.

ULASAN

11. Kepentingan aktiviti pengukuran hidrografi tidak hanya tertumpu kepada keperluan pencartaan sahaja. Perkembangan di dalam industri maritim negara secara tidak langsung menjadi pemangkin kepada peningkatan aplikasi hidrografi di Malaysia dan dunia secara global. Bidang sains ini semakin berkembang dan meliputi perlbagai cabang kajian yang merupakan elemen penting kepada pembangunan industri maritim negara. Ini menyebabkan berlakunya peningkatan

permintaan yang drastik terhadap bidang hidrografi. Sehingga kini tiada peruntukkan dari segi perundangan diwujudkan bagi memantau aktiviti pengukuran hidrografi di Malaysia. Ini membataskan proses penguatkuasaan piawaian dan spesifikasi antarabangsa terhadap bidang tersebut oleh PHN.

12. Adalah diharapkan melalui AHN ini, satu mekanisma rasmi dapat diwujudkan bagi membolehkan aktiviti-aktiviti pengukuran hidrografi di negara ini dikawal selia oleh satu agensi yang berkelayakan. Ini demi untuk menjaga kepentingan industri maritim negara dan obligasi Malaysia kepada di peringkat antarabangsa.

SYOR

13. Berdasarkan kepada perbincangan yang telah diadakan dengan Bahagian Dasar Pembangunan Strategik (BDPS), Bahagian Undang-Undang (BUU) KEMENTAH dan Pengarah Undang-Undang TLDM, perkara berikut dicadangkan untuk dilaksanakan.

a. PHN memajukan kertas konsep AHN ke BDPS KEMENTAH untuk diteliti oleh Penasihat Undang-Undang KEMENTAH bagi memastikan konsep akta yang ingin diwujudkan tidak bercanggah dengan polisi serta dasar sedia ada Kementerian.

b. Jawatankuasa Dasar KEMENTAH menjadi penaja kepada Kertas Konsep Akta Hidrografi Negara bagi tujuan pembentangan kepada kabinet.

c. Jawatankuasa Hidrografi Negara (JHN) melalui Jawatankuasa Kerja Penilaian Prestasi Ukur Hidrografi (JPPUH) perlu mewujudkan dan merangka garis panduan sementara yang boleh digunakan untuk memantau aktiviti pengukuran hidrografi di dalam perairan negara sementara menunggu AHN diluluskan.

Markas Tentera Laut
Angkatan Tentera Malaysia